

Headline	Kaji semula konsesi		
MediaTitle	Harian Metro (Utara)		
Date	11 Dec 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	214,000
Page No	72	Readership	642,000
Language	Malay	ArticleSize	362 cm ²
Journalist	Aizat Sharif	AdValue	RM 10,668
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,003



Kaji semula konsesi

■ Sumber bekalan air untuk tiga kampung tercemar teruk

Aizat Sharif

mohd.aizat@hmetro.com.my

Sik

Penerokaan lebih 500 hektar tanah untuk projek ladang hutan di kawasan Hutan Simpan Bukit Enggang di sini, sejak pertengahan tahun lalu menyebabkan sumber bekalan air di tiga kampung berdekatan tercemar dengan sisa lumpur.

Justeru, penduduk kampung meminta kerajaan negeri mengkaji semula kelulusan konsesi pembalakan di kawasan hutan berkenaan yang ternyata menjejaskan sumber bekalan air bersih.

Pengerusi pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Jawatankuasa Bertindak Selamatkan Bekalan Air Masyarakat Kampung Balong Ayam, Kampung Durian Burung dan Kampung Paya Terendam, Sik, Mohd Sobri Ramlee berkata, Kampung Balong Ayam, Kampung Durian Burung dan Kampung Paya Terendam mempunyai 550 keluarga daripada 155 rumah dan penerokaan tanah di kawasan hutan simpan itu memberi banyak masalah kepada mereka.

"Sumber air bersih ter-



MOHD Sobri (kanan) ketika meninjau kawasan pembalakan di Bukit Enggang, Sik, semalam.

masuk minuman yang diperoleh hasil kesepakatan dan gotong-royong penduduk kampung yang membina empangan di hulu sungai berhampiran kawasan hutan simpan itu sejak 1980 kini menjadi keruh, kotor dan berlumpur akibat pembalakan tiga kompartmen kawasan tadahan air hutan simpan itu," katanya.

Beliau ditemui ketika meninjau bersama beberapa kumpulan NGO lain seperti Sahabat Alam Malaysia (SAM), Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) dan Peratuan Pengguna Pulau Pi-

ning (CAP) di laluan pembalakan Hutan Simpan Bukit Enggang di sini, semalam.

Mohd Sobri yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Membantah Pembalakan Bukit Enggang berkata, 65 daripada 155 rumah di tiga kampung itu tidak berkemampuan untuk menggunakan bekalan air disalurkan Syarikat Air Darul Aman Sdn Bhd (SADA).

"Penduduk di 65 rumah ini yang kebanyakannya bekerja sebagai penoreh dan pencari hasil hutan menggunakan seratus peratus sumber air di ka-

wasan tadahan air untuk aktiviti harian.

"Malangnya, kini bekalan air menjadi keruh, kotor dan berlumpur, sekali gus menjejaskan aktiviti harian mereka serta dibimbangi membawa kemudaratannya dari segi kesihatan.

"Selain itu, Kampung Paya Terendam juga sering dilanda banjir lumpur apabila hujan lebat di kawasan berkenaan dan terbaru pada 21 November lalu apabila hampir keseluruhan kediaman dilanda banjir lumpur mengalir dari kawasan pembalakan berkenaan," katanya.

"Penduduk kebanyakannya bekerja sebagai penoreh dan pencari hasil hutan menggunakan seratus peratus sumber air di kawasan tadahan air untuk aktiviti harian

Mohd Sobri Ramlee